

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

RIWAYAT SITI ASIAH DENGAN FIRAUN

Dalam keluaran yang lalu saya telah membawa riwayat Siti Hajar dan Siti Sarah yang molek dijadikan perbandingan dan sekarang saya hidangkan semula suatu riwayat Siti Asiah isteri Firaun di istana kebesaran kerajaan Firaun dan riwayat zahirnya Nabi Musa yang menjadikan Asiah itu mula-mula orang yang beriman kepadanya.

SITI ASIAH

(oleh Ummu Mohsin)

Sekarang marilah kita memerhati riwayat Siti Asiah binti Muzaham seorang ibu yang riwayatnya banyak didapati perkara-perkara yang boleh dijadikan cermin perbandingan dan tauladan yang baik bagi kita yang jarang dan payah kita dapati di dalam riwayat kaum ibu. Jikalau diperhati kepada tawarohnya yang di antaranya tentang teguh imannya, kasih sayangnya kepada kanak-kanak walaupun bukan anaknya, menghalang perbuatan-perbuatan yang kejam sekalipun menentang suaminya, ia tidak taat kepada makhluk dan menderhaka kepada tuhan dan lain-lain lagi.

Ia bersuamikan Firaun, Raja Mesir yang terkenal zalim pada zaman Musa dan sebelumnya, Raja yang telah mengaku menjadi Tuhan Yang Maha Tinggi yang memaksakan rakyatnya mengakui ketuhanannya itiatu suatu pengakuan yang belum pernah terjadi sebelum itu. Ia mengaku demikian dengan sombong kerana kebesaran dan yang melimpah-limpah dan yang melewati batas ; menganiaya anak negeri dengan tidak tabik kecuali iaitu menyuruh membunuh anak-anak lelaki yang lahir daripada Bani Israel sehingga melebihi perempuan-perempuan daripada lelaki iaitu suatu penghinaan yang besar kepada ibu-ibu Bani Israel.

Asiah dikasihi oleh Firaun bukan sahaja kerana cantiknya yang sukar bandingnya tetapi juga kerana akhlak dan budi pekertinya yang telah menawan hati Firaun sehingga segala kehendak dan keinginannya sentiasa diikuti oleh Firaun. Dibuatkannya taman bagi Asiah yang permai dan indah di tepi sungai Nil untuk ia bertemasya dan bersenang-senang di tempat itu.

Di dalam kejadiannya yang mustahak ada tiga perkara yang patut dikemukakan di sini iaitu tentang ia mengambil Musa menjadi anaknya, imannya kepada Musa dan seksa suaminya kerana beriman itu:

Di dalam tiga riwayat-riwayat yang akan diterangkan nanti dapat kita mengetahui bahawa riwayatnya mengambil Musa sebagai anak itu adalah suatu riwayat yang besar yang telah dinyatakan oleh Allah di dalam Al-Quran untuk menjadi gambaran kepada manusia menunjukkan kekuasaan-kekuasaan Allah Yang Maha Besar supaya diperbandingkan oleh manusia tentang kebesarannya. Riwayat Musa dijadikan anak angkat ini ada termaktub di dalam Al-Quran maksudnya: Keluarga Firaun telah memungut Musa yang akhirnya kelak jadi musuh dan dukacita bagi mereka. Sesungguhnya Firaun, Haman dan bala tentera keduanya adalah orang yang bersalah dan telah berkata isteri Firaun: (Ia itu) kesejukan mata bagiku dan bagimu, janganlah engkau bunuh ia

mudah-mudahan ia berguna bagi kita atau kita jadikan ia anak ; pada hal mereka tidak sedar – Surah al-Qisas ayat 2.

Sebagaimana diketahui bahawa ahli-ahli nujum Firaun telah meramalkan iaitu seorang anak lelaki daripada Bani Israil akan lahir yang di dalam kezhahirannya itu nanti akan meruntuhkan kekuasaan Firaun maka dengan itu Firaun pun telah mengeluarkan perintah supaya setiap daripada Bani Israil yang didapati beranak lelaki maka hendaklah anaknya itu dibunuh dan dengannya maka banyaklah daripada kanak-kanak lelaki daripada Bani Israil dibunuh oleh sebab ketakutannya itu.

Apabila Musa telah diperanakkan maka ibunya telah takut kepada perbuatan-perbuatan yang kejam itu maka iapun memasukkan anaknya itu ke dalam peti lalu dihanyutkannya ke dalam sungai Nil dengan menyerahkan anak itu kepada Allah. Peti ini telah hanyut mengikut arus yang membawanya seketika kelihatan ia tenggelam dan seketika lagi timbul dan demikianlah peti itu seterusnya hanyut sehingga sampai ke istana Firaun dan tersangkut ke sebuah pokok yang rendang di tepi sungai itu yang berhampiran dengan istana Firaun itu dan terhentilah di sana. Rupanya memang telah takdir Tuhan peti itu terhenti di situ.

Diriwayatkan bahawa dayang-dayang pengasuh Siti Asiah telah pergi ke tepi sungai itu hendak mandi. Baharu sahaja sampai ke tepi pantai mereka melihat ada sebuah peti yang tidak diketahui mereka dari mana datangnya; dengan perlahan-lahan mereka mengambil peti itu dan dibawa mereka menghadap Siti Asiah dengan meyangka bahawa peti itu berisi air sahaja. Tetapi apabila peti itu dibuka alangkah terperanjatnya Siti Asiah mendapati di dalamnya ada seorang budak lelaki yang berseri mukanya tersenyum-senyum sambil mengisap jarinya, matanya jeli menunjukkan anak itu menjadi orang yang cerdas, bijaksana fikirannya – walhasil sesiapa sahaja yang memandang rupanya sudah tentu akan tertawan hatinya.

Asiah yang melihat anak itu dengan kerana terkejut telah timbul suka, kasih, hiba dan belas

kasihan kepadanya lama ia termenung memikirkan dari mana anak itu datang dan siapa yang membuangnya! Siapa ibunya dan bermacam-macamlah fikiran yang timbul di dalam hatinya tentang kanak-kanak itu. Tetapi walaubagaimanapun ia adalah menjadi soal-soal yang sukar dijawab. Akhirnya oleh sebab bingung ditambah dengan perasaan kasih dan belas maka anak itupun dibawanya menghadap suaminya Firaun.

Pada permulaannya apabila Firaun melihat anak itu dengan hati yang tenang dan belas kasihan timbul sedikit kepadanya. Tetapi apabila ia ingat kepada ramalan ahli nujumnya maka timbullah nafsu jahat kepadanya. Dengan itu timbullah bingung dalam kalbunya dua aliran di antara bunuh dan pelihara yang akhir timbul suatu keputusan menyuruh anak itu supaya dibunuh.

Tatkala mendengar keputusan suami yang ngeri dan kejam itu maka Asiah pun berdaya upaya menyejukkan kepanasan hati suaminya. Dipujuknya dengan beberapa macam perkataan yang lemah lembut supaya niat jahat suaminya itu dapat ditahan. Akhirnya ia berkata kepada suaminya; “Barangkali anak ini nanti akan berguna kelak bagi kita; oleh itu janganlah kekanda bunuh akan dia dan boleh jadi juga ia menjadi penyejuk mata kita berdua. “

Apabila Firaun mendengar perkataan Asiah yang akhir itu iapun menjawab : “Sebenarnya saya hendak membunuh anak ini kerana kkuatir kalau ia keluarga Israil kerana anak dari situlah yang akan membinasakan kerajaan kita. Oleh itu anak ini tidaklah menjadi penyejuk mataku tetapi boleh jadi bagi adinda.”

Tentang ucapan yang akhir ini Nabi Muhammad (SAW) telah pernah bersabda maksudnya: Kalau sekiranya Firaun berkata sejuk mata bagiku dan bagimu nescaya adalah Musa penyejuk mata bagi keduanya bersama.

Setelah lama bertukar-tukar fikiran di antara suami isteri itu maka akhirnya Firaun terpengaruh dengan pujukan Asiah dan demikian anak itupun dipelihara hingga dewasa dan anak itu digelar Musa anak Firaun. Adanya Musa

sambungannya pada muka 30

Terusan Suez” yang telah terhad masanya 99 tahun dan yang akan habis tempohnya pada tahun 1968 itu selama empat puluh tahun lagi. Tetapi dengan sokongan rakyat jelata, Muhammad Farid telah berjaya menolak buntang akan rancangan itu pada 17 April 1910 dan dengan itu terselamatlah Mesir daripada kehilangan faedah sebanyak 130 million paun. Peristiwa itu terhitung suatu kemenangan bagi Mesir yang cemerlang.

19 Mac 1919

Pengorbanan Mesir dalam masa perang besar dunia yang pertama sungguh besar dan kerana itu sudah tentu dia berharap kepada hasil pengorbanannya itu. Tetapi manakala tuntutan yang dimajukan oleh Sa'ad Zaghlul itu telah dihampakan maka suatu rusuhan yang hebat telah berlaku pada 19 Mac 1919 dan buahnya pada 19 Februari 1922 Mesir telah mendapat kemerdekaan “dalam negeri” yang kerananya “Al-Malik Ahmad Fu'ad” telah bergelar “Yang Maha Mulia Raja Mesir”.

Perjanjian 1936

Perjuangan Sa'ad Zaghlul Basya Bapa Kemerdekaan Mesir yang telah meninggal pada tahun 1927 telah dilanjutkan oleh tangan kanannya Mustafa An-Nahas Basya. An-Nahas telah berjaya mencapai kemerdekaan Mesir dengan terikatnya perjanjian 26 Ogos 1936 yang masyhur itu. Pada hari itu tamatlah penjajahan British ke atas Mesir, dan Mesir diterima menjadi anggota mendiang “Lembaga Bangsa-bangsa di Geneva.”

Perjanjian itu membenarkan British meletakkan tenteranya di kawasan Terusan Suez selama dua puluh tahun. Tetapi setelah tamat Perang Dunia yang Kedua maka Mesir memandang kedudukan tentera British di kawasan Suez dan di Sudan adalah menyentuh kedaulatannya. Yang demikian perjanjian 1936 telah dimansuhkan oleh Mesir baharu-baharu ini dan terjadilah kekacauan di kawasan Suez yang tuhan sahaja mengetahui apakah penyudahnya !

Sambungan dari muka 15

dalam rumahtangga Firaun itu laksana sebagai suatu cahaya yang menyinari rumah yang gelap gelita yang di sekelilingnya tidak ada sedikit masuk sinaran penerangan. Cahaya itu adalah memeranjatkan kepada ahli rumah yang gelap itu serta kejiranan. Berulang-ulang cahaya itu hendak dipadamkan orang tetapi ia sentiasa memancar.

Akhirnya salah seorang daripada ahli rumah itu tertarik hatinya kepada cahaya yang tak mau padam itu lalu menjadikannya sebagai penyuluh dirinya yang sedemikian lama di dalam kegelapan itu tetapi sebahagian besar daripada penduduk rumah itu tidak gemar kepada cahaya itu kerana mereka biasa bergelap. (Bersambung).

Pada zaman ini, di tanah ini terlalu banyak orang yang mengaku atau dapat gelaran pemimpin. Pemimpin-pemimpin terlalu murah. Seorang yang boleh bercakap : “Kita perlu merdeka itu, boleh diberi diploma pemimpin oleh kumpulannya.”

Pemimpin yang semacam ini merasa, bahawa percakapannya wajib diturut oleh umat. Pemimpin yang begini terlalu besar bahayanya, dan mustahak dipimpin dahulu.

-----*-----*-----

Sebenarnya lelaki itu ialah orang yang boleh menarik orang dengan perangai dan budi pekertinya yang baik – Hakim Islam.

-----*-----*-----

Akal dengan tidak bersopan itu bahaya. Sopan dengan tidak berakal itu binasa – Hakim Islam.

-----*-----*-----

Tamak itu pintu kehinaan, dengki itu pintu permusuhan; dan menurut hawa nafsu itu pintu penyesalan – syair Islam.

-----*-----*-----

Jangan banyak engkau campur orang. Kalau engkau campur hendaklah engkau sabar dan menahan pahit – hakim Islam.